



# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA [KELANTAN]**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK MEERA MYDIN  
PENGERUSI MASJID KAPITAN KELING  
"SEJARAH SENIBINA"

OLEH:

HAZWAN FITRI BIN HARUN	[2013161563]
MUHAMAD FAUZAN BIN MOHAMAD FADZIL	[2013966587]

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 [MAC 2015 – JULAI 2015]

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK MEERA MYDIN  
PENGERUSI MASJID KAPITAN KELING  
"SEJARAH SENIBINA"

OLEH:

HAZWAN FITRI BIN HARUN

[2013161563]

MUHAMAD FAUZAN BIN MOHAMAD FADZIL

[2013966587]

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 [MAC 2015 – JULAI 2015]

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Bersyukur kehadiran Illahi kerana dengan izin kurnianya dapat juga kami menyempurnakan tugas bagi subjek pendokumentasian sejarah lisan ini. Sepanjang menjalankan kerja kursus ini, kami telah memperoleh pelbagai pengalaman sama ada pahit mahupun manis yang amat berharga dan bermakna dalam hidup kami sebagai seorang pelajar. Pengalaman yang kami perolehi sepanjang menjalankan tugas ini mungkin hanya akan datang sekali sahaja dalam hidup kami.

Justeru itu, kami juga telah memperolehi pelbagai maklumat dan pengetahuan dengan lebih terperinci lagi berkaitan tugas ini iaitu menemuramah En. Meera Mydin selaku pengerusi Masjid Kapitan Keling berkaitan sejarah senibina masjid tersebut. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugas ini. Terutamanya kepada pensyarah kami iaitu, Madam Nurulannisah Bt. Abdullah kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang menjalankan ini. Tunjuk ajar beliau amat membantu kami dalam usaha menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan ini.

Oleh itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga kami yang telah banyak memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan tugas ini. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah anda hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan anda semua, tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

# **ABSTRAK**

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini mengandungi temubual bersama Tuan Haji Meera Mydin B. Mastan mengenai kerjaya dan sejarah senibina Masjid Kapitan Keling. Transkrip temubual ini dijalankan di bilik mesyuarat Masjid Kapitan Keling di nombor 14, Jalan Buckingham, Georgetown, 10200 Georgetown, Pulau Pinang pada 6 Mei 2015 bermula jam 3.00 petang hingga jam 4.20 petang. Beliau merupakan seorang pengerusi Masjid Kapitan Keling dan pengusaha syarikat percetakan. Beliau telah berkhidmat selama 15 tahun sebagai pengerusi Masjid Kapitan Keling. Temubual ini menumpukan pada pengalaman beliau dan sejarah senibina Masjid Kapitan Keling.*

**Kata kunci:** *Tuan Haji Meera Mydin B. Mastan, Masjid Kapitan Keling, senibina, berkhidmat, sejarah, kerjaya*